

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJAH AZIZAH BINTI DATUK
SERI PANGLIMA HAJI MOHD DUN
[BEAUFORT]**

TARIKH : 25 OGOS 2020 (SELASA)

SOALAN

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan status semasa pelaksanaan Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) dan Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) untuk kesejahteraan rakyat di kawasan luar bandar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, di bawah program Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB), Kementerian telah dan sedang melaksanakan 15 buah projek di kawasan luar bandar negeri Sabah. Daripada jumlah tersebut dua (2) projek dalam proses pelantikan perunding, tiga (3) projek dalam proses penilaian tender, enam (6) projek dalam pelaksanaan dan empat (4) projek telah pun berstatus siap.

Bagi program Bekalan Air Luar Bandar (BALB) pula, secara keseluruhan Kementerian ini mempunyai sebanyak 63 buah projek BALB di Negeri Sabah dengan 4 projek telah siap sepenuhnya, 21 projek dalam peringkat pembinaan dan 38 di peringkat rekabentuk/perancangan.